

Kualiti garis putih pantulan cahaya penting demi keselamatan pengguna

Oleh CATHERINE IRENE MILTON
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan dan kontraktor disaran tidak mengambil langkah mudah dalam penggunaan bahan bagi garis putih jalan raya demi keselamatan pengguna.

Pakar Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr. Law Teik Hua berkata, walaupun kos bagi garis putih yang boleh memantulkan cahaya lebih mahal dan berkualiti, namun penggunaan jenis tersebut amat penting bagi kawasan memerlukan.

Menurutnya, penggunaan jenis bahan untuk garis putih yang boleh memantulkan cahaya adalah berguna bagi kawasan memerlukan memberi amaran terhadap pengguna terutamanya di lebuh raya dan kawasan yang mempunyai titik buta.

“Jika garisan tersebut pudar, maka pengguna mungkin akan



KEADAAN jalan raya di Kuantan, Pahang yang garisan putihnya hampir tidak kelihatan dan menjadi antara penyumbang kemalangan.

- UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

cuai dan jika disabitkan kesalan atas melakukan kesalahan di jalan raya, mereka boleh lari daripada tuduhan tersebut, kerana punca utama adalah pe-

nyelenggaraan jalan tersebut.

“Saya sarankan perlu ada satu kumpulan yang betul melakukan pemantauan dengan lebih terperinci dalam memastikan

garis putih tidak dalam keadaan pudar,” katanya ketika dihubungi pihak *Utusan Malaysia*.

Semalam *Utusan Malaysia* melaporkan, isu garisan putih di jalan-jalan persekutuan dan jalan negeri di seluruh negara kebanyakannya tidak mengikut piawaian yang betul.

Laporan tersebut menyebut, Malaysia tersenarai pada kedudukan ke-12 paling bawah daripada 59 negara dengan kualiti jalan raya yang terburuk.

Beliau menambah, penambahan dan pembaharuan terhadap garis putih jalan raya sepatutnya kerap dilakukan bagi memudahkan penggunaan jalan raya.

“Antara kawasan yang perlu kerap dilakukan adalah di kawasan yang terdapat bilangan pengguna jalan raya yang banyak melalui kawasan tersebut, seperti di lebuh raya.

“Jika tidak dilakukan sedemikian, pengguna jalan raya yang memandu secara laju,

tidak perasan akan kewujudan garis putih di jalan yang kian pudar.

“Kekerapan proses membaik pulih garis putih tersebut adalah bergantung kepada cuaca, misalnya jika musim hujan kerja-kerja baik pulih perlu dilakukan sentiasa setiap bulan, terutama lebuh raya,” katanya.

Jelasnya, kontraktor bagi projek pembinaan jalan raya tidak sepertutnya, mengambil jalan mudah dalam merancang perbelanjaan bagi pembelian bahan berkualiti.

Ini kerana, kata beliau, walaupun bahan untuk membuat garisan putih pada jalan agak mahal, tapi mereka mengambil kira dari segi kualiti yang tahan dan juga berbaloi untuk keselamatan jalan raya. Justeru, beliau mempersoalkan penyelenggaraan bagi garisan putih di negara ini masih sambil lewa teutamanya di kawasan bandar-bandar yang mempunyai bilangan penduduknya ramai.